



Kristus 8





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.



BIARLAH SAYA
BERCERITA.

SEORANG
MEMPUNYAI POKOK
ARA DI KEBUN
ANGGURNYA.



PADA SUATU HARI
DIA Mencari buah
ARA pada pokok itu,
TETAPI TIDAK
MENJUMPAI APA-APA.

OLEH ITU DIA BERKATA
KEPADA PEKEBUNNYA,
"LIHATLAH, SELAMA TIGA
TAHUN AKU DATANG Mencari
BUAH ARA pada pokok ini,
TETAPI TIDAK MENDAPAT
SEBIJI PUN!"



KATANYA, "TEBANGLAH SAHAJA,
KERANA POKOK INI HANYA
MENGHABISKAN KESUBURAN
TANAH."

TETAPI PEKEBUN
ITU MENJAWAB, "TUAN,
BIARKANLAH POKOK INI
TUMBUH SELAMA
SETAHUN LAGI.

"SAYA AKAN MENCANGKUL
TANAH DI SEKELILINGNYA
DAN MENARUH BAJA.



"JIKA POKOK
INI BERBUAH
pada TAHUN
DEPAN, BAIKLAH."

"JIKA TIDAK,
TUAN BOLEH
MENYURUH ORANG
MENEBAKNYA."

ADA SUATU HARI SABAT YESUS
MENGAJAR DI RUMAH IBADAT.

...KERAJAAN
SYURGA ADALAH
SEPERTI...

TUNGGU.
WANITA ITU...

SAYA SUDAH
BERGINI SELAMA
LAPAN BELAS
TAHUN.

SAYA DATANG
UNTUK
DISEMBUHKAN...

HAI, WANITA.
MULAI
SEKARANG --

-- KAMU SEMBUH!

APA INI?

KITA
DIBERIKAN ENAM
HARI UNTUK
BEKERJA!

ADA ENAM HARI
UNTUK BEKERJA;
DATANGLAH PADA MASA ITU
UNTUK DISEMBUHKAN!

TETAPI JANGAN
PADA HARI SABAT!



KEMUDIAN, YESUS SEDANG BERJALAN DI SERAMBI SALOMO DI DALAM RUMAH TUHAN.

BERAPA LAMAKAH GURU MAHU MEMBIARKAN KAMI RAGU-RAGU?

ADAKAH GURU PENYELAMAT YANG DIUTUS OLEH ALLAH?

KATAKANLAH DENGAN TERUS TERANG.

AKU SUDAH BERITAHU KAMU.

TETAPI KAMU TIDAK MAHU PERCAYA.

PERBUATAN YANG AKU LAKUKAN DENGAN KUASA BAPA-KU MEMBERIKAN KESAKSIAN TENTANG AKU.

TETAPI KAMU BUKAN PENGIKUTKU, JADI KAMU TIDAK PERCAYA.

DOMBA-DOMBA-KU MENDENGARKAN SUARA-KU. AKU MENGENAL MEREKA DAN MEREKA MENGIKUT AKU.

APA YANG DIBERIKAN OLEH BAPA-KU KEPADA-KU LEBIH BESAR DARIPADA SEGALA-GALANYA. TIDAK SEORANG PUN DAPAT MERAMPAS MEREKA DARIPADA TANGAN BAPA.

AKU DAN BAPA ADALAH SATU.

KAMU PATUT DIREJAM!

PERBUATAN MANAKAH YANG MENYEBABKAN KAMU MAHU MEREJAM AKU?

BUKAN KERANA PERBUATANMU YANG BAIK, TETAPI KERANA KAMU MENGKUFURI ALLAH!

KAMU HANYA MANUSIA, TETAPI KAMU MAHU MENJADIKAN DIRIMU ALLAH!

KAMU BOLEH KATAKAN AKU MENGKUFURI ALLAH ATAU JANGANLAH PERCAYA KEPADA-KU--



YESUS KEMBALI KE SEBERANG SUNGAI YORDAN LALU TINGGAL DI SANA. DAHULU YOHANES MEMBAPTIS ORANG DI SITU.



DALAM PERJALANAN KE YERUSALEM, YESUS MELALUI BEBERAPA BUAH KOTA DAN PEKAN SAMBIL MENGAJAR.

TUAN,
BERAPA ORANG
YANG AKAN
DISELAMATKAN?

SEDIKIT
SAHAJAKAH?

BERUSAHALAH
SEBAIK-BAIKNYA
UNTUK MASUK
MELALUI PINTU YANG
SEMPIT,

KERANA BANYAK
ORANG YANG
MENCUBA MASUK,
TETAPI TIDAK DAPAT.

PADA WAKTU TUAN
RUMAH BANGUN DAN
MENUTUP PINTU, KAMU
YANG BERTENDI DI LUAR
MULA MENGETUK
PINTU!

TUAN ITU
AKAN MENJAWAB,
'AKU TIDAK TAHU
DARI MANA KAMU
DATANG!'

KAMU AKAN MENJAWAB, "KAMI SUDAH
MAKAN DAN MINUM BERSAMA-SAMA
TUAN, DAN TUAN JUGA MENGAJAR DI
KOTA KAMI!"

TETAPI TUAN ITU AKAN BERKATA
LAGI, 'AKU TIDAK TAHU DARI MANA
KAMU DATANG, KAMU SEMUA YANG
MELAKUKAN KEJAHATAN!'

PERGILAH
DARI SINI!

TINGGALKAN
TEMPAT INI.

PERGILAH KE
TEMPAT LAIN!

KERANA HERODES
HENDAK MEMBUNUH
KAMU.

PERGILAH BERITAHU
ORANG LICK ITU, 'HARI
INI DAN ESOK AKU
MENGUSIR ROH JAHAT
DAN MENYEMBUHKAN
ORANG SAKIT--

--LALU PADA HARI
KETIGA, AKU AKAN
MENYELESAIKAN
PEKERJAAN-KU.

JANGANLAH
KHUATIR!


KERANA TIDAK
SEMESTINYA
SEORANG NABI
DIBUNUH DI TEMPAT
LAIN KECUALI DI
YERUSALEM!

YERUSALEM.

ENGKAU
MEREJAM PARA
UTUSAN ALLAH.
AKU INGIN MEMELUK
SEMUA PENDUDUKMU
SEPERTI SEEKOR INDUK AYAM
MELINDUNGI ANAK-ANAKNYA
DI BAWAH SAYAPNYA.

TETAPI ENKAU
TIDAK MAHU!







-- JIKA TUAN RUMAH MEMINDAHKAN KAMU DAN TERPAKSA DUDUK DI TEMPAT YANG PALING BELAKANG.

PERGILAH DUDUK DI TEMPAT YANG PALING BELAKANG, SUPAYA TUAN RUMAH AKAN DATANG DAN BERKATA KEPADAMU, 'MARILAH SAUDARA, DUDUKLAH DI TEMPAT YANG LEBIH BAIK.'

ORANG YANG MENINGGIKAN DIRI AKAN DIRENDahkan,

ORANG YANG MERENDahkan DIRI AKAN DITINGGikan.



APABILA KAMU MENJEMPUT ORANG MAKAN, JANGANLAH JEMPUT SAHABAT, ATAU SAUDARA, ATAU SANAK KELUARGA, ATAUPUN JIRANMU YANG KAYA.

MENGAPA?

KELAK MEREKA AKAN MENJEMPUT KAMU PULA DAN DENGAN DEMIKIAN KAMU MENERIMA BALASAN PERBUATANMU.



TETAPI, JEMPUTLAH ORANG MISKIN, ORANG LUMPUH, ORANG TEMPANG, DAN ORANG BUTA. KAMU AKAN DIBERKATI!

KEBAIKANMU AKAN DIBALAS OLEH ALLAH PADA WAKTU ORANG BAIK DIBANGKITKAN DARIPADA KEMATIAN!

ALANGKAH BAHAGIANYA MEREKA YANG AKAN DIJAMU OLEH ALLAH DI DUNIA BARU ALLAH!



ADA SEORANG YANG SEDANG MENGADAKAN JAMUAN BESAR. DIA MENJEMPUT BANYAK ORANG.

APABILA TIBA MASANYA, SEMUA TETAMU DENGAN JEMPUTAN BERALASAN UNTUK TIDAK DATANG.

TUAN ITU SANGAT MARAH!

DIA MENGARAHKAN HAMBANYA UNTUK MENJEMPUT ORANG MISKIN, ORANG LUMPUH, ORANG BUTA, DAN ORANG TEMPANG!

KATANYA 'PERGILAH KE JALAN DAN LORONG DI LUAR KOTA, DAN SURUH SEMUA ORANG DATANG SUPAYA RUMAHKU PENUH.

"KETAHUILAH, TIDAK SEORANG PUN DARIPADA TETAMU YANG AKU JEMPUT ITU AKAN MENIKMATI PERJAMUANKU!"









ADA SEORANG
BAPA MEMPUNYAI
DUA ORANG ANAK
LELAKI.

ANAK BONGSU
MEMINTA BAHAGIAN
HARTANYA.

LALU BAPANYA
MEMBAHAGI HARTANYA
ANTARA KEDUA-DUA
ORANG ANAKNYA.



"ANAK YANG BONGSU MENJUAL BAHAGIAN
HARTANYA, LALU MENINGGALKAN RUMAH."

"ANAK YANG BONGSU MENJUAL BAHAGIAN
HARTANYA, LALU MENINGGALKAN RUMAH."




"DENGAN CEPAT WANGNYA HABIS DAN
KEBULURAN YANG TERUK TELAH MELANDA."

"HIDUPNYA MELARAT KERANA DIA
TIDAK MEMPUNYAI APA-APA."

"DIA BEKERJA SEBAGAI PENJAGA
BABI NAMUN TETAP KELAPARAN."

"LALU DIA MENYEDARI BAHAWA
ORANG GAJI AYAHNYA PUN MENDAPAT
LAYANAN YANG LEBIH BAIK."



"DIA PULANG KE RUMAH DAN
BAPANYA LARI MENEMUI DIA, LALU
MEMELUK, DAN MENCIMUMNYA."

"AYAHNYA MENGADAKAN
JAMUAN UNTUK MERAYAKAN
KEPULANGAN ANAKNYA,
KERANA."

ANAKKU INI
SUDAH, TETAPI
SEKARANG DITEMUI
SEMULA.

"BAYANGKANLAH
KEMERIAHANNYA!"



SEMENTARA
ITU ANAKNYA YANG
SULUNG--

--YANG TETAP
TINGGAL BERSAMA
AYAHNYA--

--BEKERJA DI
LADANG KETIKA
ADIKNYA
KEMBALI--

"ANAK SULUNG
ITU BEGITU MARAH!"

"SEHINGGA DIA TIDAK
MAHU MASUK KE RUMAH."

"LALU BAPANYA KELUAR
DAN MEMUJUK DIA."

SAYA TETAP
TINGGAL DAN TIDAK
PERNAH SAYA
MEMBANTAH AYAH.

TETAPI APAKAH
BALASAN AYAH? TETAPI
ANAK AYAH INI TELAH
MEMBOROSKAN
SEGALA HARTA AYAH!

APABILA DIA
KEMBALI AYAH
MENGADAKAN JAMUAN
BESAR UNTUKNYA?

ANAKKU, KAMU
SENTIASA DI SINI
DENGAN AYAH.

SEGALA YANG
AYAH MILIKI JUGA
MILIKMU.

PATUTLAH KITA ADAKAN
PERJAMUAN DAN BERSUKACITA,
KERANA ADIKMU SUDAH MATI,
TETAPI SEKARANG HIDUP PULA;
DULU DIA SESAT, TETAPI
SEKARANG SUDAH DITEMUI
SEMULA.





DENGAR. SESIAPA YANG SETIA
DALAM PERKARA KECIL, AKAN SETIA
JUGA DALAM PERKARA BESAR.

TETAPI SESIAPA
YANG TIDAK JUJUR DALAM
PERKARA KECIL, TIDAK AKAN
JUJUR DALAM PERKARA
BESAR.



JIKA KAMU TIDAK MENGGUNAKAN KEKAYAAN
DUNIA INI DENGAN SETIA, BAGAIMANAKAH KAMU
DAPAT MENGGUNAKAN KEKAYAAN SEJATI
DENGAN BAIK?

TIDAK ADA SEORANG
HAMBA DAPAT MELAYANI
DUA ORANG TUAN.

DEMIKIANLAH
KAMU TIDAK DAPAT
BEKERJA UNTUK
ALLAH DAN UNTUK
KEKAYAAN JUGA.



ALLAH
MENGETAHUI ISI
HATI KAMU.

KAMULAH
ORANG YANG
BERPURA-PURA
BENAR DI HADAPAN
MANUSIA.

APA YANG
DIANGGAP
BERHARGA OLEH
MANUSIA, DIBENCI
OLEH ALLAH.



BIARLAH AKU
MEMBERI SATU
CERITA LAGI.
ADA SEORANG
KAYA YANG DI HADAPAN
PINTU RUMAHNYA,
DUDUKLAH SEORANG
PENGEMIS.



"PENGEMIS ITU
BERNAMA LAZARUS."

"DIA BERHARAP DAPAT MENGISI PERUT
DENGAN SISA-SISA YANG DIBUANG DARI
MEJA ORANG KAYA ITU."

"LAZARUS MENINGGAL."



"BERGITU JUGA
ORANG KAYA ITU."

"ORANG MISKIN ITU MENINGGAL
LALU DIBAWA OLEH MALAIKAT KE
SISI ABRAHAM DI SYURGA."

"ORANG KAYA ITU PULA
MENDERITA DI NERAKA."

KASIHANILAH SAYA.
SURUHLAH LAZARUS
MENCELUPKAN JARINYA KE
DALAM AIR DAN MEMBASAH-
KAN LIDAH SAYA!

SEUMUR
HIDUPMU KAMU
SUDAH MENDAPAT
SEGALA YANG
BAIK!

SEDANGKAN
LAZARUS
MENDAPAT
SEGALA YANG
BURUK.

TETAPI SEKARANG
LAZARUS SERONOK
DI SINI, SEBALIKNYA
KAMU MENDERITA
SENGSARA.



JIKA DEMIKIAN, SAYA
MEMOHON SUPAYA
LAZARUS PERGI KEPADA
LIMA SAUDARA SAYA!

BIARLAH LAZARUS
PERGI MEMBERIKAN
AMARAN KEPADA
MEREKA!

JURANG DALAM
INI TIDAK DAPAT
DIRENTASI!



TIDAKKAH MEREKA
MEMPUNYAI KITAB MUSA
DAN KITAB NABI-NABI
YANG MEMBERIKAN
AMARAN KEPADA
MEREKA?

JIKA ADA SEORANG
BANGKIT DARI PADA
KEMATIAN, TENTU MEREKA
AKAN BERTAUBAT DARI PADA
DOSA.

JIKA MEREKA TIDAK
MENDENGARKAN AJARAN MUSA
DAN NABI-NABI, MEREKA TIDAK
AKAN PERCAYA JUGA SEKALIPUN
ADA ORANG BANGKIT DARI PADA
KEMATIAN.

MARI KITA
PERGI.

TIDAK ADA
YANG KITA
INGIN DENGAR
DARI DIA!



HAL-HAL YANG
MENYEBABKAN
ORANG BERBUAT
DOSA PASTI ADA.

TETAPI
MALANGLAH ORANG
YANG MENYEBABKAN
HAL-HAL ITU
BERLAKU!



LEBIH BAIK JIKA BATU KISARAN DIKAT
PADA LEHERNYA, LALU DIA DIBUANG KE
DALAM LAUT--

--DARI PADA DIA MENYEBABKAN
SALAH SEORANG YANG LEMAH
IMANNYA BERBUAT DOSA.

JIKA SAUDARA
KAMU BERDOSA,
TEGURLAH DIA.



JIKA DIA BERTAUBAT,
AMPUNILAH DIA.

WALAUPUN DIA
MENGULANGINYA
TUJUH KALI LAGI!

YESUS,
TEGUHKANLAH
IMAN KAMI.



JIKA KAMU MEMPUNYAI IMAN
SEBESAR BIJI SAWI, KAMU
DAPAT MEMERINTAHKAN
POHON UNTUK TERCABUT
DAN TERTANAM DI LAUT!

SEORANG HAMBA
TIDAK PERLU DIPUJI
APABILA DIA
MENURUT PERINTAH
TUANNYA.

APABILA KAMU
SUDAH MELAKUKAN
SEGALA YANG
DIPERINTAHKAN,
BERKATALAH, 'KAMI
HANYA HAMBA
BIASA; KAMI HANYA
MELAKUKAN
KEWAJIBAN.'



TIDAK LAMA KEMUDIAN...



GURU!

SAYA MEMPUNYAI
PERTANYAAN, JIKA
GURU ADA WAKTU!

SILAKAN.

KAMI SUDAH
BERTAHUN-TAHUN
MEMPELAJARI
KITAB.



DAN KAMI SUDAH
MEMPERTIMBANGKAN
SITUASI SEKARANG
SERTA YANG DAHULU.

KAMI MASIH
TIDAK PASTI
TENTANG SATU
HAL.

BILAKAH ALLAH AKAN
DATANG UNTUK
MEMERINTAH?

DENGAN SEGALA
PERTIMBANGAN
KAMU, KAMU TETAP
TIDAK MENGETI?



ORANG TIDAK DAPAT
HANYA BERKATA
'LIHATLAH DI SINI!' ATAU
'LIHATLAH DI SANA!'

KERANA ALLAH
SUDAH MULA
MEMERINTAH ANTARA
KAMU.

MASANYA AKAN TIBA
APABILA KAMU BERHARAP
DAPAT MELIHAT ZAMAN
ANAK MANUSIA, TETAPI
KAMU TIDAK DAPAT
MELIHATNYA.



NANTI ORANG AKAN
BERKATA KEPADA KAMU,
'LIHAT, DI SITU!' ATAU,
'LIHAT, DI SINI!' JANGAN
KAMU KELUAR
MENCARINYA.

SEBAGAIMANA
KILAT, DEMIKIAN
JUGA KEADAAN
ANAK MANUSIA
PADA MASA ITU.

IA MEMANCAR
DI LANGIT LALU
MENERANGI LANGIT
DARI HUJUNG KE
HUJUNG.



SEPERTI PADA ZAMAN
NABI NUH DAHULU, DEMIKIAN
JUGA HALNYA PADA MASA ANAK
MANUSIA KELAK.

ORANG MAKAN DAN
MINUM; LELAKI DAN
PEREMPUAN BERKAHWIN
SEHINGGA PADA HARI NABI
NUH MASUK KE DALAM
BAHTERA.

LALU AIR BAH DATANG
DAN MEMBINASAKAN
MEREKA SEMUA.



JUGA SEPERTI
PADA ZAMAN LOT!

ORANG MAKAN
MINUM, BERJUAL BELI,
BERCUCUK TANAM, DAN
MEMBINA RUMAH!

TETAPI PADA HARI
LOT MENINGGALKAN
SODOM--

-- API DAN BELERANG TURUN
DARI LANGIT DAN MEMBINA-
SAKAN MEREKA SEMUA!



DEMIKIANLAH
KEADAANNYA PADA
HARI ANAK MANUSIA
MENAMPACKAN
DIRI.

ADA HARI ITU,
ORANG YANG DI
BUMBUNG RUMAH
ATAU DI LADANG--

--JANGANLAH
KEMBALI UNTUK
MENGAMBIL
BARANG DI
DALAM RUMAH!



"INGATLAH ISTERI LOT!"

"MEREKA DIPERINTAHKAN UNTUK TIDAK MELIHAT
KE BELAKANG, NAMUN DIA INKAR."



"DIA MENJADI GARAM."

"SESIAPA YANG BERUSAHA MEMPERTAHKAN
HIDUPNYA AKAN KEHILANGAN HIDUP YANG SEJATI."

"TETAPI SESIAPA YANG MENGORBANKAN
HIDUPNYA AKAN MENYELAMATKANNYA."



PERCAYALAH, PADA
MALAM ITU DUA ORANG
SEDANG TIDUR DI ATAS
SEBUAH KATIL; SEORANG
AKAN DIBAWA DAN
SEORANG LAGI
DITINGGALKAN.

DUA ORANG WANITA
SEDANG MENGGILING
GANDUM; SEORANG
AKAN DIBAWA DAN
SEORANG LAGI
DITINGGALKAN.

TETAPI TERLEBIH
DAHULU ANAK MANUSIA
MESTI MENGALAMI
BANYAK PENDERITAAN
DAN TIDAK DITERIMA
OLEH ORANG
ZAMAN INI.



APA PUN YANG BERLAKU SENTIASA BERDOA DAN TIDAK PUTUS ASA.

BAYANGKANLAH ADA SEORANG HAKIM YANG TIDAK TAKUT AKAN ALLAH DAN SESIAPA PUN.

ADA SEORANG BALU YANG SELALU DATANG KEPADA HAKIM ITU UNTUK MEMOHON SUPAYA PERKARNYA DIBELA.



TETAPI AKHIRNYA HAKIM ITU MEMBELA PERKARNYA!

MENGAPA? BUKAN KERANA DIA ADIL! TETAPI KERANA DIA MENYUSAHKAN DIA!

TETAPI KAMU BERDOA KEPADA TUHAN YANG ADIL DAN MENGASIHI KAMU.



MARI KITA BERBICARA TENTANG DOA.

SEORANG FARISI DAN SEORANG PEMUNGUT CUKAI PERGI KE RUMAH TUHAN UNTUK BERDOA.

ORANG FARISI ITU BERDOA DENGAN NYARING!



"AKU BERSYUKUR KEPADA-MU, YA ALLAH, KERANA AKU TIDAK SEPERTI PEMUNGUT CUKAI INI."

"AKU BERPUASA DUA KALI SEMINGGU DAN AKU MEMPERSEMBAHKAN SEPERSEPUH DARIPADA SEGALA PENDAPATANKU."



PEMUNGUT CUKAI ITU PULA?

TIDAK BERANI MENEGADAH KE LANGIT DAN MENEBAH DADA KERANA MENYESAL SAMBIL BERKATA--

"YA ALLAH, KASIHANILAH HAMBA, ORANG BERDOSA INI!"



SIAPAKAH DI ANTARA MEREKA YANG DITERIMA TUHAN?



SETIAP ORANG YANG MENINGGIKAN DIRI AKAN DIRENDAHKAN.

SETIAP ORANG YANG MERENDAHKAN DIRI AKAN DITINGGIKAN.

SUATU HARI, SEORANG PEMBAWA BERITA TELAH DATANG...

MARTA DAN MARIA INGIN MENGABARKAN BAHAWA SAUDARA MEREKA SAKIT TENAT.

PENYAKIT INI TIDAK AKAN MENYEBABKAN KEMATIAN LAZARUS;

HAL INI BERLAKU UNTUK MEMULIAKAN ALLAH. MELALUI HAL INI ANAK ALLAH AKAN DIMULIAKAN.

DUA HARI KEMUDIAN...

MARILAH KITA BALIK KE YUDEA.

SAHABAT KITA LAZARUS SUDAH TIDUR, TETAPI AKU AKAN PERGI MEMBANGUNKAN DIA.

GURU, BARU SAHAJA ORANG YAHUDI DI SITU HENDAK MEREJAM GURU!

GURU, JIKA LAZARUS TIDUR, DIA AKAN SEMBUH!

KAMU SALAH FAHAM. LAZARUS SUDAH MENINGGAL.

JADI KITA PATUT TETAP DI SINI!

AKU BERSYUKUR KERANA AKU TIDAK BERSAMA-SAMA DIA!

SUPAYA KAMU BOLEH PERCAYA KEPADA-KU.

TAPI...
KITA TIDAK BOLEH!

CUKUP, SEMUA!

YESUS SEDANG PERGI!
DAN YA, DIA MUNGKIN AKAN MATI!

MARILAH KITA PERGI DENGAN GURU, SUPAYA KITA MATI BERSAMA-SAMA-NYA!

YA, TOMAS, MARILAH KITA PERGI,

KE YUDEA. KE BETANIA. KE LAZARUS.

DI BETANIA, MARTA KELUAR UNTUK
BERJUMPA DENGAN YESUS.

YA TUHAN, JIKA
TUHAN DI SINI EMPAT
HARI YANG LALU!

TENTU LAZARUS
MASIH HIDUP!

SAUDARAMU AKAN
HIDUP KEMBALI.

AKU TAHU BAHAWA LAZARUS AKAN
HIDUP SEMULA APABILA ORANG MATI
DIBANGKITKAN PADA HARI KIAMAT.

MARTHA,
AKULAH YANG
MEMBANGKITKAN
ORANG MATI
DAN YANG
MEMBERIKAN
HIDUP.

SESIAPA YANG PERCAYA
KEPADA-KU AKAN HIDUP,
MESKIPUN DIA SUDAH MATI.

ADAKAH KAMU
PERCAYA AKAN
HAL INI?

YA
TUHAN.

AKU PERCAYA BAHAWA
TUHAN ANAK ALLAH,
PENYELAMAT YANG DIUTUS
OLEH ALLAH, DAN YANG
DIJANJIKAN UNTUK DATANG
KE DUNIA INI.

BAWA
MARIA.

DI RUMAH MEREKA...

MARIA, SAYA
SUDAH MENEMUI
YESUS.

DIA MEMINTA
KAMU DATANG.

YESUS?
DIA SUDAH
TERLAMBAT!

DATANG
SAHAJA.


KEMUDIAN...

YESUS!
TUHANKU!

TUHAN, JIKA
TUHAN DI SINI
PADA MASA ITU!

TENTU
SAUDARAKU
MASIH HIDUP!

MARIA,
BANGUN.





AKU BERSYUKUR KEPADA-MU, KERANA ENKAU MENDENGAR PERMINTAAN-KU. AKU BERKATA DEMIKIAN UNTUK KEBAIKAN SEMUA ORANG DI SINI, SUPAYA MEREKA PERCAYA BAHAWA ENKAULAH YANG MENGUTUS AKU.







APA YANG HARUS KITA LAKUKAN?

SUDAHKAH KAMU MENDENGAR?



DIA MEMBANGKITKAN SESEORANG DARI KEMATIAN!

ORANG RAMAI MENGIKUT DIA! PERCAYA KEPADA DIA!

ORANG ROMAWI TIDAK AKAN SENANG DENGAN HAL INI!



JIKA KITA BIARKAN DIA TERUS BERBUAT DEMIKIAN, SEMUA ORANG AKAN PERCAYA KEPADA-NYA.

AKHIRNYA PENGUSAHA ROMA AKAN DATANG LALU MENGHANCURKAN RUMAH TUHAN DAN BANGSA KITA!

JANGAN BIARKAN BERLAKUNYA PEMBERONTAKAN!

BODOH!



KAMU TIDAK TAHU APA-APA!

TIDAKKAH KAMU SEDAR BAHAWA LEBIH BAIK SATU ORANG MATI BAGI UMAT KITA DARIPADA SELURUH BANGSA KITA DINABASAKAN?



SEBAGAI IMAM AGUNG TAHUN ITU, DIA BERNUBUAT TENTANG YESUS.

DIA AKAN MATI.

BUKAN UNTUK ORANG YAHUDI SAHAJA, TETAPI JUGA UNTUK MENGUMPULKAN UMAT ALLAH YANG TERCERAI-CERAI.



KITA AKAN BERSATU KEMBALI.

BARULAH KITA AKAN TAHU APA YANG HARUS DILAKUKAN.

PERSOALANNYA BAGAIMANA...

MEREKA BERKOMPLOT UNTUK MEMBUNUH YESUS.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV